

Perawi Imam al-Kisaei

Bicara Qiraat

Oleh KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

DI kalangan qiraat tujuh terdapat qiraat yang tidak lagi diamalkan seperti Qiraat Ibn Kathir, Ibn 'Amir, Imam Hamzah dan Qiraat al-Kisai.

Namun Qiraat al-Kisai melalui dua perawinya Abu al-Harith dan al-Duri masih boleh dipelajari melalui *talaqqi* dengan guru yang mempunyai sanad.

Semua usul Qiraat Tujuh dan khilaf kalimah dalam surah atau disebut Farsy disenarai dan dicatat dalam bentuk *nadham* oleh tokoh ilmu qiraat iaitu Imam Syatibiy (meninggal pada tahun 590 hijrah) melalui kitabnya *Hirz al-Amani wa wajh al-Tahani* atau terkenal dengan *Matan Syatibiy*.

Metod pengajaran ilmu Qiraat pula mestilah menghafaz *matan* Syatibiy ini dan guru akan memperkenalkan kaedah membaca qiraat secara jamak.

Dengan maksud semua *khilaf* qiraat yang ada dalam sesuatu ayat akan dibaca pelajar bermula dengan Qiraat Nafei hingga Qari yang ketujuh iaitu Imam al-Kisai.

Maksud penulis, Qiraat al-Kisaei tidak diamalkan dalam sudut menjadikannya bacaan rasmi negara Islam sebagaimana riwayat Hafis daripada Imam 'Asim yang kebanyakan dunia Islam membacanya.



AL-QURAN bukan hanya untuk dipamerkan sebaliknya dibaca dan dihayati dalam kehidupan seharian. -Gambar hiasan

Begitu juga riwayat Warsy yang mendominasi negara Islam di utara Afrika atau riwayat Qalun yang menjadi bacaan umat Islam di Libya. Namun Qiraat al-Kisaei kini tidak dijadikan riwayat rasmi di mana-mana negara Islam.

Walaupun begitu, Qiraat al-Kisaei pada satu masa dahulu diamalkan di Kufah iaitu tempat Imam al-Kisaei bermukim. Ramai ulama meriwayatkan Qiraat al-Kisaei melalui perawinya Abu

al-Harith dan al-Duri.

Secara umumnya bacaan al-Kisaei ada persamaan dengan bacaan gurunya Imam Hamzah khususnya pada *imalah* kalimah yang mempunyai huruf *ya* diakhirnya.

Kelainan Qiraat al-Kisaei berbanding Qiraat Tujuh yang lain adalah membaca *imalah* pada *ha ta'nith* yang berada pada akhir kalimah seperti *al-malaikah*.

Perawi pertama yang meriwayatkan

Qiraat al-Kisaei ialah Abu al-Harith al-Baghdadi. Menurut Al-Dani, Abu al-Harith adalah murid terunggul al-Kisaei dan *bertalaqqi* dengannya.

Abu al-Harith menjadi penyambung penyebaran Qiraat al-Kisaei. Ramai yang *bertalaqqi* dengannya antaranya Salamah Ibn 'Asim, Muhammad Ibn Yahya al-Kisaei al-Soghir dan al-Fadhl Ibn Syazan Ya'qub Ibn Ahmad. Abu al-Harith meninggal dunia sekitar tahun 200 hijrah.

Perawi kedua al-Kisaei ialah Abu Umar al-Duri. Jika dilihat senarai para perawi Qiraat bermula dari perawi Imam Nafei' hinggalah perawi Imam Ketujuh Imam al-Kisaei kita dapati semuanya orang yang berbeza. Kecuali al-Duri yang menjadi perawi Imam Abu Amru dan al-Duri juga adalah perawi kepada Imam al-Kisaei.

Al-Duri meriwayatkan Qiraat Abu Amru melalui perantaraan yang merupakan murid kepada Abu Amru iaitu Yahya al-Yazidi. Manakala Qiraat al-Kisaei, beliau meriwayatkan secara *talaqqi* daripada gurunya al-Kisaei.

Justeru dalam buku Qiraat apabila menyatakan tentang bacaan al-Duri, mereka akan menyebut al-Duri al-Kisaei atau menyebut al-Duri Abu Amru bagi mengelak kekeliruan mana satukah al-Duri yang dikehendaki.

Dengan berakhirnya cerita Imam al-Kisaei dan perawinya maka sempurnalah pengenalan Qiraat Tujuh yang merupakan qiraat *mutawatirah* dan kesemuanya sah dibaca dalam sembahyang.